



KEMENTERIAN KEMAJUAN
LUAR BANDAR DAN WILAYAH



ANUGERAH MEDIA KKLW 2017

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

- i. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai **wartawan yang bekerja sepenuh masa** dengan mana-mana organisasi media cetak, elektronik dan portal media dan perlulah berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
- ii. Stringer, wartawan sambilan dan jurugambar sambilan tidak layak menyertai Anugerah Media KKLW 2017.
- iii. Penyertaan perlulah **disahkan oleh Ketua Pengarang atau Ketua Jabatan** menggunakan borang penyertaan rasmi yang disediakan.
- iv. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **1 Julai 2016 sehingga 30 Jun 2017** layak menyertai.
- v. Tarikh tutup penyertaan pada **13 Oktober 2017**.
- vi. Tiada had penyertaan ditetapkan **kecuali kategori Anugerah Fotografi** sahaja.
- vii. Semua bahan berita bercetak; video; audio; foto yang diulang siar/diterbitkan tidak layak untuk dipertandingkan. Karya asli sahaja diterima.
- viii. Bahan-bahan berita yang pernah dipertandingkan dalam anugerah ini tidak layak untuk bertanding.
- ix. Borang penyertaan beserta bahan penyertaan yang lengkap perlulah dikepilkan bersama salinan kad pengenalan dan dihantar kepada:

Sekretariat Penghakiman Anugerah Media KKLW 2017

Malaysian Press Institute

2945 Jalan Bukit Ledang Off Jalan Tuanku Abdul Halim

50490 Kuala Lumpur.

- x. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI.
- xi. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
- xii. Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.

SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

A. ANUGERAH MEDIA CETAK DAN PORTAL BERITA ONLINE (BERITA DAN RENCANA)

| | | |
|----------------|---|---|
| Hadiah pertama | : | Wang Tunai RM 3,500 dan trofi serta sijil penghargaan |
| Hadiah kedua | : | Wang Tunai RM 2,000 dan trofi serta sijil penghargaan |
| Hadiah ketiga | : | Wang Tunai RM 1,000 dan trofi serta sijil penghargaan |

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita atau penulisan rencana berkualiti dan penggunaan fakta yang tepat berkait dengan isu-isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan agensi di bawahnya secara konsisten dan relevan.
2. Penulisan dan pelaporan yang memberikan impak kepada peningkatan kesedaran rakyat tentang peranan KKLW dan agensi di bawahnya secara menyeluruh khususnya sebagai peneraju pembangunan kemajuan luar bandar dan wilayah.
3. Laporan berita atau penulisan rencana mestilah hasil inisiatif wartawan bukan merujuk kepada kenyataan akhbar, teks ucapan dan kenyataan media daripada KKLW atau agensi di bawahnya semata-mata.
4. Kategori ini terbuka kepada berita yang telah diterbitkan dan disiarkan dalam akhbar dan portal berita online sahaja.
5. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** yang disalin pada **satu (1)** salinan cakera padat.
6. Jika tulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.
7. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
8. **Setiap penyertaan artikel dalam Bahasa Cina atau Tamil wajib diterjemahkan tajuk dan sinopsis laporan.** Terjemahan diterima dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris perlu dikemukakan dalam format PDF.

B. ANUGERAH MEDIA ELEKTRONIK PENYIARAN TV (BERITA/RENCANA & DOKUMENTARI)

| | | |
|----------------|---|---|
| Hadiah pertama | : | Wang Tunai RM 3,500 dan trofi serta sijil penghargaan |
| Hadiah kedua | : | Wang Tunai RM 2,000 dan trofi serta sijil penghargaan |
| Hadiah ketiga | : | Wang Tunai RM 1,000 dan trofi serta sijil penghargaan |

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita/rencana/dokumentari yang tepat berkait dengan isu-isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan agensi di bawahnya secara konsisten dan relevan.
2. Penulisan dan pelaporan yang memberikan impak kepada peningkatan kesedaran rakyat tentang peranan KKLW dan agensi di bawahnya secara menyeluruh khususnya sebagai peneraju pembangunan kemajuan luar bandar dan wilayah.
3. Laporan berita atau dokumentari mestilah hasil inisiatif wartawan/produksi terhadap sesuatu pandangan mengenai KKLW atau agensi di bawahnya yang memberikan kesan terhadap penambahbaikan perkhidmatan.
4. Kategori ini terbuka kepada berita/rencana/dokumentari yang telah diterbitkan dan disiarkan dalam media elektronik televisyen.
5. **Laporan berita** hendaklah tidak melebihi tiga siri dan durasi keseluruhannya tidak melebihi sepuluh (10) minit.
6. Program dokumentari hendaklah sekurang-kurangnya lima belas (15) minit dan tidak melebihi enam puluh (60) minit. **Dokumentari hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan berkenaan, bukan penerbit program.** Ini termasuk bukti penulisan skrip dokumentari, penggunaan suara latar wartawan dalam penceritaan dokumentari dari mula hingga akhir. Peranan wartawan hendaklah ditampilkan dalam bentuk "standupper" dan menemuramah sumber.
7. Program yang **diulang siar tidak layak menyertainya.**
8. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan sebanyak **satu (1) salinan cakera padat.** Setiap CD/DVD **mesti memiliki sampul/kotak cakera padat masing-masing lengkap dengan nama peserta, tajuk penyertaan dan durasi.**
9. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
10. Untuk **bahan penyertaan dalam Bahasa Cina atau Bahasa Tamil,** perlu diletak bersama **sarikata** dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

11. Borang penyertaan perlulah dinyatakan dengan jelas **nama wartawan dan jurukamera** yang membantu dalam penyediaan visual. Penyertaan ditolak jika tidak memberikan maklumat lengkap.

12. **Penerbit program TV layak menyertai.**

C. ANUGERAH MEDIA ELEKTRONIK PENYIARAN RADIO (BERITA/RENCANA/ KOMENTAR & WAWANCARA)

Hadiah pertama : Wang Tunai RM 2,000 dan trofi serta sijil penghargaan
Hadiah kedua : Wang Tunai RM 1,000 dan trofi serta sijil penghargaan
Hadiah ketiga : Wang Tunai RM 800 dan trofi serta sijil penghargaan

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberikan kepada pelaporan berita atau dokumentari yang tepat berkait dengan isu-isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan agensi di bawahnya secara konsisten dan relevan.
2. Penulisan dan pelaporan yang memberikan impak kepada peningkatan kesedaran rakyat tentang peranan KKLW dan agensi di bawahnya secara menyeluruh khususnya sebagai peneraju pembangunan kemajuan luar bandar dan wilayah.
3. Laporan berita atau dokumentari mestilah hasil inisiatif wartawan/produksi terhadap sesuatu pandangan mengenai KKLW atau agensi di bawahnya yang memberikan kesan terhadap penambahbaikan perkhidmatan.
4. Kategori ini terbuka kepada berita/rencana/komentari/wawancara yang telah diterbitkan dan disiarkan dalam media elektronik radio.
5. **Laporan berita** hendaklah tidak melebihi tiga siri dan durasi keseluruhannya tidak melebihi sepuluh (10) minit.
6. Program wawancara hendaklah sekurang-kurangnya lima belas (15) minit dan tidak melebihi enam puluh (60) minit. Program wawancara **hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan berkenaan.**
7. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan sebanyak **satu (1) salinan cakera padat.** Setiap CD/DVD **mesti memiliki sampul/kotak cakera padat masing-masing lengkap dengan nama peserta, tajuk penyertaan dan durasi.**
8. Penyertaan terbuka kepada semua bahasa.
9. Untuk **bahan penyertaan dalam Bahasa Cina atau Bahasa Tamil,** perlu diletak bersama **sarikata** dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
10. Penyertaan ditolak jika tidak memberikan maklumat lengkap.

D. ANUGERAH FOTOGRAFI

| | | |
|----------------|---|---|
| Hadiah pertama | : | Wang Tunai RM 1,500 dan trofi serta sijil penghargaan |
| Hadiah kedua | : | Wang Tunai RM 800 dan trofi serta sijil penghargaan |
| Hadiah ketiga | : | Wang Tunai RM 500 dan trofi serta sijil penghargaan |

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya foto yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika berkait dengan KKLW dan agensi dibawahnya secara konsisten dan relevan.
2. Foto yang memberi impak dan kesedaran kepada masyarakat secara keseluruhannya terhadap peningkatan/kejayaan program transformasi luar bandar.
3. Karya-karya foto yang dihasilkan menonjolkan "wajah sebenar" berkait dengan isu-isu pembangunan luar bandar dan KKLW.
4. Peserta boleh menghantar **tiga (3) penyertaan** sahaja.
5. Karya-karya foto hendaklah dikemukakan dalam **format PDF** dan dimuatkan ke dalam **satu (1) salinan cakera padat.**
6. Penyertaan foto hendaklah disertakan bersama kapsyen atau keterangan gambar dan salinan akhbar.